

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RGE 459 Pentadbiran Tanah

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

Sekurang-kurangnya DUA SOALAN MESTI DIJAWAB daripada setiap Bahagian A dan B. Gunakan Buku Jawapan yang berasingan bagi setiap Bahagian.

Bahagian A

1. (a) Secara ringkas undang-undang Malaysia boleh diperolehi daripada lima punca. Salah satu punca ialah daripada keputusan-keputusan mahkamah.

Bincangkan apa yang dimaksudkan dengan ungkapan 'Keputusan-keputusan Mahkamah' seperti yang tercatat di atas.

(10 Markah)

- (b) Nyatakan bagaimana pembahagian perundangan dan kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dibuat mengikut Perlembagaan Persekutuan.

(10 Markah)

2. Jentera pentadbiran tanah negara dapat dibahagikan kepada dua peringkat. Huraikan peringkat-peringkat ini dengan berpandukan Kanun Tanah Negara 1965.

(20 Markah)

3. Didalam Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh melupuskan tanah dengan lima cara.

Senaraikan kesemua cara ini dan bincangkan dengan terperinci dua cara tersebut.

(20 Markah)

4. Nyatakan jenis-jenis dan bentuk hakmilik tanah dan beri penjelasan tentang jenis-jenis dan bentuk hakmilik ini mengikut Kanun Tanah Negara 1965.

(20 Markah)

Bahagian B

5. (a) Kenapakah tanah milik boleh diambil secara paksa untuk maksud awam?

(5 Markah)

- (b) Nyatakan tujuan pengambilan tanah secara paksa serta senaraikan jenis tanah yang tidak boleh dibuat demikian.

(5 Markah)

- (c) Secara ringkas berikan garis panduan langkah-langkah di dalam pengambilan tanah secara paksa.

(10 Markah)

6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pecah sempadan tanah?

(10 Markah)

- (b) Bincangkan syarat-syarat untuk meluluskan pecah sempadan tanah.

(10 Markah)

7. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pecah bahagian bangunan? Nyatakan hak dan tanggungan tuannya pecahan.

(10 Markah)

- (b) Terangkan fungsi perbadanan pengurusan.

(10 Markah)

-ooo000ooo-